

PM minta MCA kekal perpaduan

BH - 9 MAY 2002

PUTRAJAYA, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan MCA supaya terus kekal bersatu, demi menjamin kekuatan dan keutuhannya sebagai parti komponen kedua terbesar dalam Barisan Nasional (BN).

Perdana Menteri berkata, sebagai parti utama mewakili masyarakat Cina, MCA juga perlu sentiasa meletakkan kepentingan kaum itu, mengatasi segala-galanya.

Dalam masa sama katanya, ahli MCA perlu menerima pembaharuan dalam kepemimpinan yang lambat atau cepat, pasti berlaku dalam parti.

"Saya ingin mengingatkan pemimpin baru yang akan dipilih nanti supaya jangan fikirkan pertelagahan di masa lalu. Berikan keutamaan kepada MCA dan masyarakat Cina.

"Saya gembira kerana formula damai saya sebelum ini diterima dan saya ucapkan terima kasih.

"Saya akan terus meminta MCA kekal bersatu,

kerana yang paling penting bukan siapa menang atau kalah...yang penting, MCA menang, masyarakat Cina menang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap selepas menerima skrol mengandungi tulisan kaligrafi pepatah Cina yang bermaksud apabila kuda sejati menjalankan misi, ia pasti mencapai kejayaan cemerlang.

Skrol itu dihadiahkan 200 persatuan Cina seluruh Malaysia dan kira-kira 500 ahli persatuan itu berhimpun di Dataran Perdana, berdepan pejabat Perdana Menteri di sini petang ini, sebagai penghargaan serta sokongan kepada Dr Mahathir, dalam menyelesaikan isu MCA.

Skrol itu disampaikan wakil Persatuan Graduan Hainan, Thomas Leong; Penasihat Persatuan Guang Yin Seberang Prai; Pengerusi Persatuan Kim Lan Malaysia, Leow Chok Tia dan Pengerusi Pertubuhan Penganut Dewa Xi An Ling Malaysia, Wong Kong Chow.